

# Undang-Undang akan dikaji — PM

U.S. 28 APR 1993

**K**UALA LUMPUR 27 April — Kerajaan bercadang mengkaji semula undang-undang yang mengenakan hukuman yang tidak lagi sesuai dengan keadaan negara pada masa ini, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, antaranya termasuklah hukuman denda yang mungkin dianggap tinggi pada masa undang-undang tersebut digubal tetapi denda sedemikian sudah dianggap rendah pada masa negara sudah makmur.

"Perkara seperti inilah akan kita perbetulkan," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Seminar Etika

Menurutnya, jika masyarakat menganggap jenayah sesuatu yang amat buruk, mereka mungkin tidak akan melakukan perbuatan itu malah akan bekerjasama dalam memendunginya.

Perniagaan: Kepimpinan dan Tanggungjawab Korporat di Genting Highlands, dekat sini hari ini.

Dr. Mahathir memberitahu demikian ketika diminta mengulas mengenai pandangan beberapa pihak bahawa sesetengah undang-undang yang ada sekarang tidak lagi setimpal dengan kesalahan yang dilakukan antaranya termasuklah undang-undang mencuri lebih berat daripada jenayah kolar putih yang melibatkan wang berjuta-juta ringgit.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengkaji undang-undang yang dirasakan tidak sesuai itu di sepanjang masa bagi membetulkannya.

"Masalahnya sekarang, tidak ramai yang mahu campurtangan dan mengambil sikap berkecuali. Ini menunjukkan pegangan kita kepada nilai murni tidak ada," tambahnya.

"Kita memerlukan maklum balas daripada pihak-pihak terlibat kerana kerajaan sendiri kadangkala tidak terlibat dengan undang-undang berkenaan dan kita perlu dapatkan laporan mengenai terlebihi dahulu," ujarnya.

Setakat ini kata beliau, kerajaan belum lagi mendapat cadangan yang tepat kerana kadangkala orang yang terlibat dengan undang-undang sendiri tidak sedar undang-undang tersebut sudah tidak begitu berkesan lagi.

Kepada satu soalan, Dr. Mahathir berkata, kadar jenayah kolar putih masih belum terlalu buruk dibandingkan dengan negara-negara lain tetapi

sudah ada tanda-tanda yang tidak baik antaranya skandal BMF serta apa yang berlaku dalam badan-badan berkanun, kerajaan dan swasta.

Dr. Mahathir berkata, jenayah kolar putih berkembang selaras dengan peningkatan industri dan perniagaan di negara ini.

Katanya, masalah undang-undang tidak mencukupi untuk membantaras jenayah sedemikian tidak timbul tetapi apa yang lebih penting ialah peningkatan pelaksanaan penguatkuasaannya.

"Undang-undang yang ketat sekali pun tidak akan dapat menjerat jenayah tidak akan berlaku sebaliknya sikap kita terhadap masalah itu sendiri," katanya.

Dr. Mahathir berkata, sesetengah ahli masyarakat enggan memberi maklumat atau menjadi saksi kepada kcs jenayah sehingga menyukarkan usaha membanterasnya.